

**MENGENAL PASTI MASALAH PEMAHAMAN DAN HUBUNGANNYA
DENGAN LATAR BELAKANG MATEMATIK, GAYA PEMBELAJARAN,
MOTIVASI DAN MINAT PELAJAR TERHADAP BAB PENGAWALAN KOS
MAKANAN DI SEKOLAH MENENGAH TEKNIK (ERT) REMBAU: SATU
KAJIAN KES.**

HAFIDAH BINTI AWADZ @ HUSSIN

Laporan projek ini dikemukakan
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik Dan Vokasional

Jabatan Pendidikan Teknik dan Vokasional
Fakulti Teknologi Kejuruteraan
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn

MAC 2003



PTT ALITHM
PERPUSTAKAAN TUN AMINAH

DEDIKASI

Istimewa buat Ayahanda, Awadz @ Hussin Bin Mubarak dan Bonda, Che Harazim Binti Che Daud, Terima kasih yang tidak terhingga di atas segala pengorbanan dan sokongan pada anakanda yang tidak pernah jemu. Pengorbanan Ayahanda dan Bonda akan anakanda hadiahkan dengan sebuah kejayaan.

Kepada adik-adikku dan keluarga tersayang yang begitu memahami dan mengambil berat diri ini. Segala jasa dan budi kalian akan dikenang hingga ke akhir hayat.

Tidak lupa juga kepada insan-insan terdekat yang banyak memberi kata-kata semangat, dan rakan-rakan seperjuangan yang banyak memberi bantuan dalam menjayakan projek sarjana ini.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih buat kalian semua di atas segala-galanya.

KEJAYAAN INI ADALAH MILIK KITA BERSAMA

PENGHARGAAN

“Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang”

Segala pujian bagi Allah serta selawat dan salam kepada junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W. Syukur ke hadrat Illahi di atas limpah kurniaNya maka dapat saya menyiapkan kajian ini dengan selamat dan jayanya. Setinggi penghargaan dan terima kasih kepada Puan Hajah Sarebah Bt. Warman selaku pembimbing yang telah banyak memberikan tunjuk ajar dan bimbingan sepanjang tempoh kajian tanpa rasa letih dan jemu. Berkat tunjuk ajar yang diberikan serta semangat dan motivasi, saya mempunyai keyakinan yang tinggi untuk menjalankan kajian ini. Segala jasa baik beliau amat dihargai dan ianya amat berguna dan begitu bernilai sekali.

Tidak dilupakan kepada pensyarah-pensyarah lain yang turut memberikan tunjuk ajar yang tidak ternilai harganya. Segala idea-idea dan cadangan mereka memantapkan lagi kajian ini.

Ucapan terimakasih juga ditujukan kepada guru-guru dan para pelajar kursus Katering, Sekolah Menengah Teknik (ERT) Rembau, Negeri Sembilan yang turut memberikan kerjasama sepanjang kajian. Kepada rakan-rakan seperjuangan, kakitangan-kakitangan Fakulti Teknologi Kejuruteraan, ibu bapa dan keluarga yang telah banyak memberikan sokongan, bantuan dan galakan, diucapkan terima kasih dengan pengorbanan yang tidak ternilai. Harapan saya semoga kajian ini memberi manfaat kepada semua.

Penghargaan dan terima kasih juga ditujukan kepada ketua penilai projek sarjana Dr. Wan Mohd Rashid Bin Wan Ahmad dan Encik Ashaari Bin Sikor, kerana sudi berkongsi idea, cadangan dan tunjuk ajar yang bernas untuk memantapkan lagi projek sarjana ini.

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk mengkaji hubungan korelasi antara latar belakang Matematik, gaya pembelajaran, motivasi dan minat dengan pemahaman pelajar terhadap bab tersebut. Responden adalah seramai 30 orang iaitu terdiri daripada pelajar tingkatan lima kursus Katering, Sekolah Menengah Teknik (ERT) Rembau, Negeri Sembilan. Instrumen kajian adalah soal selidik dan semua data dianalisis menggunakan program SPSS versi 10.0 untuk mendapatkan nilai min dan nilai korelasi bagi memenuhi objektif yang telah ditetapkan. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa hubungan korelasi antara gaya pembelajaran pelajar terhadap pemahaman pelajar adalah kuat. Manakala hubungan korelasi antara latar belakang Matematik, motivasi dan minat terhadap pemahaman pelajar adalah sederhana. Nilai tahap min bagi masalah pemahaman pelajar, latar belakang Matematik, gaya pembelajaran, motivasi dan minat terhadap bab Pengawalan Kos Makanan adalah sederhana. Kajian ini mencadangkan penghasilan satu Modul Pembelajaran Kendiri bagi bab Pengawalan Kos Makanan untuk membantu pelajar kursus Katering dalam proses pembelajaran mereka.



ABSTRACT

This research had been conducted in order to determine the correlation between Mathematics' background, learning style, motivation and students' interests towards students' comprehension. There were 30 students of form five Catering from Sekolah Menengah Teknik (ERT) Rembau, Negeri Sembilan who had been chosen as the respondents for this research. Questionnaire survey was employed. The data had been analyzed by using SPSS version 10.0 in getting mean and correlation value in order to complete the objective. The findings had shown that the correlations between learning style and student's comprehension were strong. However, the correlation between Mathematics' background, motivation and student's interest towards student's comprehension were moderate. The level of mean for Mathematics' background, learning style, motivation and student's interest towards student's comprehension in the subject was also moderate. The researcher had suggested an idea by developing a self-learning module to help Catering's student in their learning process.



KANDUNGAN**BAB PERKARA****MUKA SURAT**

PENGESAHAN STATUS	
PENGESAHAN PENYELIA	
HALAMAN JUDUL	i
PENGAKUAN	ii
DEDIKASI	lii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ISI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI SINGKATAN	xv
SENARAI LAMPIRAN	xvi

I PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Masalah	3
1.3	Pernyataan Masalah	6
1.4	Persoalan Kajian	8

1.5	Objektif Kajian	9
1.6	Kerangka Teori Kajian	10
1.7	Kepentingan Kajian	11
1.8	Skop Kajian	12
1.9	Batasan Kajian	13
1.10	Definisi Istilah	13

II SOROTAN KAJIAN

2.1	Pengenalan	15
2.2	Latar Belakang Akademik Pelajar	16
2.2.1	Latar Belakang Pengetahuan Dalam Matematik	17
2.2.2	Kualiti Pengajaran dan pembelajaran	19
2.3	Gaya Pembelajaran	20
2.3.1	Pengertian Gaya Pembelajaran	21
2.3.2	Pembelajaran Secara Individu	22
2.3.3	Pembelajaran Berkumpulan	24
2.4	Motivasi	25
2.4.1	Teori Motivasi	25
2.4.2	Teori Pembelajaran Sosial	26
2.4.3	Teori Motivasi Pencapaian	27
2.5	Minat	29
2.6	Rumusan	30

III METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	32
3.2	Rekabentuk Kajian	32
3.3	Populasi dan Sampel Kajian	33
3.4	Instrumen Kajian	33
3.5	Kaedah Analisis Data	35
3.5.1	Kaedah Analisis Nilai Skor Min	36
3.5.2	Kaedah Analisis Korelasi	36
3.6	Kajian Rintis	37
3.6.1	Kesahan	38
3.6.2	Kebolehpercayaan	39
3.7	Prosedur Kajian	40

IV ANALISIS DATA

4.1	Pengenalan	41
4.2	Analisa Borang Kaji Selidik	41
4.3	Maklumat Demografi Responden	42
4.3.1	Jantina	43
4.3.2	Latar Belakang Pencapaian Matematik	44
4.4	Analisis Skor Min	44
4.4.1	Masalah Pemahaman Pelajar	45
4.4.2	Latar Belakang Matematik	47
4.4.3	Gaya Pembelajaran	48
4.4.4	Motivasi	49
4.4.5	Minat	51

4.5	Nilai Korelasi Setiap Faktor Terhadap Pemahaman Pelajar Dalam Bab Pengawalan Kos Makanan	52
4.5.1	Nilai Korelasi Faktor Latar Belakang Matematik Terhadap Pemahaman Pelajar	53
4.5.2	Nilai Korelasi Faktor Gaya Pembelajaran Terhadap Pemahaman Pelajar	53
4.5.3	Nilai Korelasi Faktor Motivasi Terhadap Pemahaman Pelajar	54
4.5.4	Nilai Korelasi Faktor Minat Terhadap Pemahaman Pelajar	55
4.6	Dapatan Kajian	55

V PERBINCANGAN DAN RUMUSAN

5.1	Pengenalan	56
5.2	Perbincangan	57
5.2.1	Masalah Pemahaman Pelajar Terhadap Bab Pengawalan Kos Makanan	57
5.2.2	Latar Belakang Matematik Pelajar Terhadap Bab Pengawalan Kos Makanan	59
5.2.3	Gaya Pembelajaran Pelajar Terhadap Bab Pengawalan Kos Makanan	60
5.2.4	Motivasi Pelajar Terhadap Bab Pengawalan Kos Makanan	61
5.2.5	Minat Pelajar Terhadap Bab Pengawalan Kos Makanan	63

5.3	Cadangan Pembinaan Modul	64
5.3.1	Kepentingan Modul Pembelajaran Kendiri	64
5.3.2	Ciri-Ciri Modul Pembelajaran Kendiri	66
5.4	Rumusan dan Kesimpulan	67
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	68
	RUJUKAN	70
	LAMPIRAN	74
	CADANGAN MODUL PEMBELAJARAN KENDIRI	91



SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
Jadual 1.1	Kelayakan Akademik Bagi Pelajar Lepas PMR Untuk Mengikuti Bidang ERT	5
Jadual 3.1	Pemberatan Skala Likert	35
Jadual 3.2	Tafsiran Julat Nilai Min	36
Jadual 3.3	Klasifikasi Kekuatan Korelasi	37
Jadual 3.4	Keputusan Kajian Rintis Bagi Nilai <i>Alpha Cronbach</i>	38
Jadual 3.5	Prosedur Kajian	40
Jadual 4.1	Tafsiran Nilai Skor Min	42
Jadual 4.2	Perbezaan Responden Mengikut Jantina	43
Jadual 4.3	Perbezaan Responden Mengikut Pencapaian Matematik Dalam PMR	44

Jadual 4.4	Nilai Skor Min Bagi masalah Pemahaman Pelajar	45
Jadual 4.5	Nilai Skor Min Bagi Latar Belakang Matematik	47
Jadual 4.6	Nilai Skor Min Bagi Gaya Pembelajaran Pelajar	48
Jadual 4.7	Nilai Skor Min Bagi Motivasi Pelajar	50
Jadual 4.8	Nilai Skor Min Bagi Minat Pelajar	51
Jadual 4.9	Klasifikasi Kekuatan Korelasi	52
Jadual 4.10	Nilai Korelasi Faktor Latar Belakang Matematik Terhadap Pemahaman Pelajar	53
Jadual 4.11	Nilai Korelasi Faktor Gaya Pembelajaran Terhadap Pemahaman Pelajar	53
Jadual 4.12	Nilai Korelasi Faktor Motivasi Terhadap Pemahaman Pelajar	54
Jadual 4.13	Nilai Korelasi Faktor Minat Terhadap Pemahaman Pelajar	55



SENARAI RAJAH

N0. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
Rajah 1.1	Kerangka Teori Kajian	10



PTTA UTHIM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI SINGKATAN

SINGKATAN	HURAIAN PENUH
ERT	- Ekonomi Rumah Tangga
IKM	- Institut Kemahiran MARA
PMR	- Penilaian Menengah Rendah
SPM	- Sijil Pelajaran Malaysia



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
A	Borang Soal Selidik Kajian	74
B	Hasil Kajian Rintis Masalah Pemahaman Pelajar	82
C	Hasil Kajian Rintis Latar Belakang Matematik Pelajar	83
D	Hasil Kajian Rintis Gaya Pembelajaran Pelajar	84
E	Hasil Kajian Rintis Motivasi Pelajar	85
F	Hasil Kajian Rintis Minat Pelajar	86
G	Hasil Kajian Rintis Keseluruhan Faktor	87
H1	Nilai Kekuatan Korelasi Bagi Faktor Latar Belakang Matematik Terhadap Pemahaman Pelajar	89
H2	Nilai Kekuatan Korelasi Bagi Faktor Gaya Pembelajaran Terhadap Pemahaman Pelajar	89

H3	Nilai Kekuatan Korelasi Bagi Faktor Motivasi Terhadap Pemahaman Pelajar	90
H4	Nilai Kekuatan Korelasi Bagi Faktor Minat Terhadap Pemahaman Pelajar	90
I	Cadangan Modul Pembelajaran Mandiri	91



BAB I

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Pendidikan Teknik dan Vokasional penting dalam pembangunan sesebuah negara khususnya bagi sesebuah negara perindustrian. Kerajaan membelanjakan berjuta-juta ringgit untuk pelaburan dalam pendidikan bagi meningkatkan kemahiran dan kepakaran dalam bidang teknik dan vokasional.

Sekolah teknik dan vokasional, Institut Kemahiran MARA (IKM) dan pusat latihan industri telah banyak ditubuhkan di Malaysia tetapi bilangan graduan yang dihasilkan masih tidak dapat memenuhi permintaan buruh semasa yang semakin meningkat. Sumbangan dari pihak industri amat diperlukan dalam menstruktur semula kurikulum untuk memastikan mata pelajaran yang ditawarkan berkaitan dengan keperluan semasa persekitaran industri bagi melahirkan tenaga kerja yang berpengetahuan dan terlatih mengikut keperluan ekonomi dan mencapai wawasan 2020.

Realitinya, pendidikan yang bercorak vokasional sudah mendapat perhatian kerajaan menerusi Laporan Rahman Talib pada tahun 1960 dan Akta Pelajaran 1961. Di waktu itu, kerajaan menegaskan untuk memberi penekanan kepada pendidikan vokasional dan teknik untuk memenuhi keperluan tenaga mahir dalam negara. Sehubungan dengan itu, Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional telah ditubuhkan pada 1964 yang bertanggungjawab untuk memajukan pendidikan teknik dan vokasional dalam negara. Kini bahagian ini dikenali sebagai Jabatan Pendidikan Teknikal di bawah kelolaan Kementerian Pendidikan Malaysia (Yahya, 1993).

Menurut Laporan Kabinet 1979, kerajaan menegaskan bahawa pendidikan menengah atas akan berteraskan akademik dan vokasional. Sehingga dalam Rang Undang-Undang Pendidikan 1995, kerajaan mula mempertingkatkan pendidikan bercorak teknik dan vokasional dengan menambahkan bilangan sekolah menengah teknik dan vokasional.

Terdapat pelbagai bidang kemahiran yang ditawarkan melalui pendidikan teknik dan vokasional antaranya ialah penerap bata, tukang paip, mekanik am, mekanik kenderaan, tukang kayu dan tanggam, pembuat pakaian, kemahiran peralatan elektronik industri, perdagangan, dan kemahiran masakan dan sajian.

Pada dasarnya mata pelajaran yang bercorak teknikal dan vokasional ini melatih dan menyediakan pelajar-pelajar ke alam pekerjaan yang sebenar. Ini adalah selaras dengan pendapat Fatimah (1984) yang mengatakan adalah perlu untuk mewujudkan kombinasi dunia pekerjaan dengan pendidikan di sekolah. Pengwujudan mata pelajaran ini di peringkat persekolahan adalah bertujuan untuk memberikan pelajar pengetahuan dan kemahiran supaya mereka celik teknologi dan celik ekonomi. Selain daripada melatih pelajar dengan kemahiran-kemahiran untuk pekerjaan, ia juga membentuk perkembangan kognitif dan personaliti pelajar.

Dalam kajian ini, pengkaji menjurus ke arah bahagian teknikal dan vokasional. Pengkaji cuba mengkaji dari segi aspek modul pembelajaran mata pelajaran Teknologi Katering bagi bab Pengawalan Kos Makanan bagi pelajar tingkatan empat dan lima.

1.2 Latar Belakang Masalah

Kursus Katering merupakan salah satu kursus yang ditawarkan dalam bidang Ekonomi Rumah tangga (ERT) di sekolah menengah teknik. Di samping kursus Katering terdapat dua kursus lain yang ditawarkan iaitu Rekaan Fesyen dan Teknologi Seni Kecantikan. Di antara mata pelajaran teras yang terdapat dalam kursus Katering ini ialah Perkhidmatan Makanan, Teknologi Katering dan Perdagangan.

Objektif ERT amnya adalah untuk mengenalpasti keperluan manusia dan persekitaran di samping berupaya menggunakan pengetahuan yang ada untuk membuat justifikasi, memanipulasi, merancang, mentafsir, menilai sebarang keputusan dan tindakan. Ianya selari dengan matlamat atau rasional pendidikan teknik dan vokasional iaitu untuk menyediakan pelajar dengan pengetahuan asas dan kemahiran bagi memenuhi keperluan sektor industri dan perdagangan.

Mata pelajaran ERT khususnya dalam bidang Katering ditawarkan sebagai satu mata pelajaran di sekolah menengah teknik kerana menyedari sumbangannya terhadap negara untuk melahirkan pelajar yang berpengetahuan dan berkemahiran dalam bidang hospitaliti agar dapat memperkembangkan industri hospitaliti dengan lebih pesat, sekaligus menyediakan tenaga mahir dan separa mahir yang diperlukan ke arah merealisasikan Wawasan 2020.

Dalam mencapai objektif tersebut ia melibatkan proses pengajaran dan pembelajaran. Proses pengajaran dan pembelajaran ini penting kerana jika guru mengaplikasikan strategi pengajaran yang bersesuaian, gaya pembelajaran serta pencapaian pelajar dapat dipertingkatkan dan diperbaiki dari semasa ke semasa. Latar belakang asas akademik pelajar juga memainkan peranan dalam keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran. Menurut Kamaruddin (1992) terdapat pertalian positif di antara pencapaian pembelajaran di satu peringkat sekolah dengan pencapaian akademik di peringkat berikutnya. Hasil kajian beliau pada keseluruhannya menunjukkan bahawa pelajar yang berkelulusan lemah pada peringkat menengah akan memperolehi keputusan yang lemah juga di peringkat menengah atas. Berdasarkan dapatan tersebut guru haruslah peka dengan corak pengajaran yang hendak disampaikan supaya ianya bersesuaian dengan objektif yang hendak dicapai iaitu supaya pelajar dapat memahami pelajaran yang disampaikan oleh guru.

Bagi bab Pengawalan Kos Makanan, ia melibatkan proses pengiraan di mana secara langsung berkait rapat dengan mata pelajaran Matematik. Menurut Abdul Aziz (1999), Matematik merupakan salah satu subjek yang dikatakan susah untuk difahami dan dipelajari bagi segelintir pelajar. Ramai pelajar yang fobia dengan mata pelajaran Matematik. Mereka berpendapat Matematik adalah semata-mata merupakan aktiviti-aktiviti yang melibatkan nombor-nombor dan operasinya (tambah, tolak, darab, bahagi dan sebagainya) dan hanya berlaku dalam bilik darjah. Malahan Matematik adalah sebahagian daripada kehidupan dan menjadi teras dalam kehidupan lain. Namun begitu, kebanyakan pelajar yang memasuki kursus ERT adalah terdiri daripada pelajar yang latar belakang akademiknya di peringkat sederhana dan lemah dalam mata pelajaran Matematik (Rujuk jadual 1.1). Keadaan ini yang menyebabkan bab ini amat sukar untuk difahami dan dipelajari.

Jadual 1.1 : Kelayakan Akademik Bagi Pelajar Lulusan PMR Untuk Mengikuti Bidang Ekonomi Rumah Tangga.

Bidang	Kursus	Pencapaian Mata Pelajaran PMR	
		Syarat Utama	Syarat Lain
Ekonomi Rumah Tangga	1. Katering 2. Rekaan Fesyen & Membuat Pakaian 3. Asuhan Kanak-kanak 4. Bakeri & Konfeksionari	Mendapat pencapaian minimum dalam semua mata pelajaran di bawah: Bahasa Melayu....C Sains..... C Matematik..... D Kem. Hidup..... C	Mendapat pencapaian minimum di Peringkat D dalam 1 (satu mata pelajaran lain)

(Sumber: Yahya (1993), Jurnal Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia)

Namun begitu, tidak boleh dikatakan lemah Matematik merupakan punca utama kepada masalah pemahaman pelajar kerana terdapat beberapa faktor lain yang berkaitan. Selain daripada faktor latar belakang Matematik, gaya pembelajaran pelajar, motivasi dan minat juga turut mempengaruhi masalah pemahaman pelajar dalam bab Pengawasan Kos Makanan.

Jika proses pengajaran dan pembelajaran dalam mencapai objektif program ERT yang sedia ada kurang diberi penekanan, implikasinya nanti akan melahirkan pelajar yang kurang berkualiti dari segi kemahiran dan pengetahuannya. Ini akan memberi kesan yang kurang baik di dalam memenuhi aspirasi Kementerian Pendidikan dalam menyediakan sumber manusia yang berkualiti.

1.3 Pernyataan Masalah

Mata pelajaran Ekonomi Rumahtangga yang ditawarkan di sekolah menengah teknik mampu menyediakan pelajar, pengetahuan dan kemahiran segi teori dan amali. Namun begitu, terdapat pelajar yang tidak dapat menghayati dan mengaitkan apa yang mereka pelajari dengan alam pekerjaan. Terdapat juga pelajar yang walaupun telah didedahkan dengan kemahiran, mereka tidak menyedari apa yang telah mereka pelajari. Pelajar seharusnya tahu menggabungkan teori yang mereka pelajari di sekolah dengan alam pekerjaan supaya dapat diaplikasikan dalam pekerjaan mereka nanti dan bermanfaat serta yang lebih penting melahirkan sesuatu kerja yang berkualiti.

Pelajar yang mengambil mata pelajaran ERT khususnya bagi kursus Katering sebagai mata pelajaran elektif perlu menyiapkan diri dengan pengetahuan dan kemahiran dalam mata pelajaran ini, jika ingin menceburi dalam bidang hospitaliti khususnya.

Mata pelajaran Teknologi Katering bagi tingkatan empat dan lima di sekolah menengah teknik merupakan mata pelajaran teori dan amali. Antara bab yang terkandung di dalam mata pelajaran ini pula berkaitan dengan Matematik iaitu bab Pengawalan Kos Makanan. Bab tersebut dikatakan bab yang paling sukar untuk difahami kerana melibatkan banyak proses pengiraan. Kemorosotan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Teknologi Katering dikatakan berpunca daripada kelemahan dalam menguasai bab tersebut. Di sini guru perlu menggunakan corak pengajaran yang bersesuaian untuk meningkatkan pemahaman pelajar terhadap mata pelajaran tersebut.

Masalah pelajar kurang pemahaman terhadap mata pelajaran Teknologi Katering ini dapat dilihat melalui pencapaian pelajar ERT kursus Katering dalam peperiksaan SPM, berada pada tahap yang kurang memberangsangkan berbanding kursus lain. Ini

disokong oleh dapatan kajian daripada Sekolah Menengah Teknik Rembau bagi keputusan Peperiksaan SPM 2001, tidak terdapat pelajar yang mendapat Gred A untuk mata pelajaran Teknologi Katering. Majoriti pelajar mendapat Gred C dan D dan ada juga pelajar yang gagal bagi mata pelajaran tersebut.

Secara rasionalnya, jika dirujuk pada syarat minimum kemasukan pelajar ke tingkatan 4 (jadual 1.1) bagi kursus Katering bolehlah dikatakan bahawa para pelajar yang memasuki kursus ini merupakan pelajar yang pencapaian akademiknya berada di tahap sederhana. Kebanyakan pelajar yang mendapat keputusan yang cemerlang dalam PMR akan meneruskan pengajian dalam aliran sains, perdagangan dan teknikal.

Sehubungan dengan itu, guru pula memainkan peranan yang penting dalam melahirkan pelajar yang dapat menguasai amali dan teori dengan baik. Ini bersamaan dengan kenyataan Bryan (1999), guru merupakan orang yang paling mempengaruhi hidup individu di luar rumah. Dalam konteks ERT amnya menurut Azizi (2000), untuk menjayakan program ERT perlu ada input-input yang mencukupi bagi memastikan program ini dapat berjalan dengan berkesan. Di antara input-input tersebut ialah pengetahuan dan kemahiran yang sedia ada pada guru-guru. Input yang seterusnya ialah strategi pengajaran dan pembelajaran.

Di sinilah pentingnya penggunaan modul yang bersesuaian bagi menjayakan proses pengajaran dan pembelajaran. Untuk memperolehi hasil keputusan yang berkesan secara keseluruhan dalam pelaksanaan mata pelajaran Teknologi Katering, pencapaian pelajar perlu dinilai dari aspek pengetahuan dan kemahiran yang mereka perolehi sepanjang berada di tingkatan empat dan tingkatan lima di sekolah. Dengan pengetahuan dan kemahiran yang baik, para pelajar dapat mengaplikasikannya dalam kehidupan seharian atau di alam pekerjaan kelak. Daripada pengetahuan asas ini juga dapat

dijadikan batu loncatan bagi pelajar untuk melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi.

Dengan ini, pengkaji ingin mengkaji mengenai masalah pemahaman pelajar dalam bab Pengawalan Kos Makanan, dan mengenal pasti sejauhmana latar belakang Matematik, gaya pembelajaran, motivasi dan minat pelajar kursus Katering di Sekolah Menengah Teknik (ERT) Rembau, mempengaruhi pemahaman mereka terhadap bab Pengawalan Kos Makanan dalam mata pelajaran Teknologi Katering. Hasil daripada kajian ini akan membolehkan pengkaji mencadangkan satu modul pembelajaran sendiri bagi rujukan pelajar dan guru.

1.4 Persoalan Kajian

Secara khusus, matlamat kajian adalah untuk mendapatkan jawapan-jawapan terhadap beberapa persoalan kajian seperti berikut :

1. Apakah masalah yang dihadapi oleh pelajar dalam memahami bab Pengawalan Kos Makanan?
2. Sejauhmanakah latar belakang Matematik mempengaruhi pemahaman pelajar terhadap bab Pengawalan Kos Makanan?
3. Sejauhmanakah gaya pembelajaran mempengaruhi pelajar memahami bab Pengawalan Kos Makanan?
4. Sejauhmanakah motivasi mempengaruhi pelajar memahami bab Pengawalan Kos Makanan?
5. Sejauhmanakah minat mempengaruhi pemahaman pelajar terhadap bab Pengawalan Kos Makanan?

BIBLIOGRAFI

Abdul Aziz (1999), *Ke Arah Meningkatkan Prestasi Murid Dalam Matematik*, Laporan Jawatankuasa Petugas Matematik, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Abdul Hamid Abdul Rashid (1999) *Kemahiran Berfikir Merentasi Kurikulum*, Shah Alam, Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Ahmad Esa (1997), *Ciri-Ciri Guru Sebagai Pemimpin Daripada Sudut Pandangan Pelajar: Satu Kajian Kes Di Sekolah Menengah Kebangsaan Pasir Gudang (1)*, Johor Bharu, Johor, Kajian Pendidikan Sarjana, Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.

Asmady Idris (2000), *Motivasi Kejayaan*, Edisi Pertama, Kuala Lumpur, Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Atkinson, J.W. (1965). *The Mainsprings of Achievement-oriented Activity*. dlm Krumboltz, J.D. (ed.) *Learning and The Educational Process*. Chicago: Rand McNally

Azizi Hj. Yahya (2000). *Penggunaan Modul KIPP Dalam Penilaian Program Kemahiran Hidup di Sekolah-sekolah Menengah di Malaysia*. Universiti Teknologi Malaysia. Tesis Ph. D.

Bandura (1977) '*Psychology*', New York:Keynes.

Brophy and Good T.L (1990), *Educational Psychology*, Edisi Keempat, New York, Longman.

Bryan Coombs (1999). *Successful Teaching*. Edisi 1. Oxford. Heinemann Educational Publishers.m.s 79 - 91.

Ee Ah Meng (1997), *Psikologi Pendidikan 2*, Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Elton L.R (1980), *Style of Learning and Teaching*, New York: John Wiley & Sons

Fatimah Don, (1984), *Kemahiran Asas Pengajaran Melalui Pengajaran Mikro*, Siri Pendidikan Fajar Bakti, Kuala Lumpur

Isa Ramli (1992), *Forum Matematik*, Jawatankuasa Kebangsaan Jabatan Matematik, Terbitan April 1999, Universiti Teknologi Malaysia.

Kamarudin Khalid (1992), *Suatu Tinjauan Tentang Kelemahan Pelajar-Pelajar Tahun 3 Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan Sesi 91/92 Dalam Mata Pelajaran Matematik Di UTM*, Kertas Projek, Johor Bharu: Universiti Teknologi Malaysia.

Kamus Dewan (2000), Edisi Ketiga, Kuala Lumpur: Dewan bahasa dan Pustaka.

Khalid Mohamad Nor (1993), *Kaedah Pembelajaran Berkesan*, Kuala Lumpur, Cahaya Pantai (M) Sdn Bhd.

Kerlinger, F. (1973), *Foundations Of Behaviour Science*, New York: Rinehart and Winstion.

Lau dan Zainuddin Awang (2001), *Statistik Asas UiTM*, Selangor: Penerbit Bakti Sdn. Bhd.

Maya Sofa Ismail (1999), *Mengenalpasti 'Pengaruh Pensyarah' Terhadap Pencapaian Pelajar ITTHO Dalam matapelajaran Kalkulus*, Batu Pahat, Johor, Tesis Institut Teknologi Tun Hussein Onn.

Mohamad Daud Hamzah (1996), *Perkembangan Kanak-Kanak Dan Pembelajaran*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn.Bhd.

Mohd Najib Abdul Ghafar (1999), *Penyelidikan Pendidikan*, Skudai: Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

Musa Daia (1983). *Kaedah dan Teknik Pengajaran*, Kuala Lumpur: Badan Bookstore Sdn. Bhd.

Nazlein Bt. Mohd Nawawi (2002), *Keberkesanan Pengajaran Dan Pembelajaran Di Makmal: Satu Tinjauan Di Politeknik Kota Bharu*, Tesis Sarjana Pendidikan, Batu Pahat, Johor, Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn.

Ramsden, Paul (1992), *Learning To Teach In Higher Education*, Routledge, London.

Razali Ibrahim (1991), *Bagaimana Melahirkan Manusia Cemerlang*, Mastika (Ogos) Kuala Lumpur : Utusan Malaysia (M) Bhd.

Robiah Udin (1999), *Masalah Pembelajaran Yang Dihadapi Oleh Pelajar Tahun Dua Semester Satu Kursus Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik Di ITTHO: Kajian Kes. KUiTTHO*.

Shaharom Nordin (1994), *Bukanlah Sukar Mempelajari Matematik, Hanya Semangat dan Minat Mengatasi Rintangan*, Utusan Malaysia; 3 Jun 1998

Sharifah Alwiyah Alsagoff (1983), *Ilmu Pendidikan : Pedagogi*, Kuala Lumpur Heinemann Asia.

Sulaiman Ngah Razali (1996), *Analisis Data Dalam Penyelidikan Pendidikan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Tamby Subahan Mohd. Merah (1986). *Masalah Kelemahan Murid-murid Dalam Menghadapi Pelajaran Sains Di Peringkat Menengah* .Jurnal Kementerian Pendidikan Malaysia. Keluaran 69. 53 - 59.

Yahya Emat (1993), *Cabaran dan Strategi Pendidikan Teknik dan Vokasional Ke Arah Mencapai Wawasan 2020*, Jurnal Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia, 37, (78), 1-9.

Wong Khoon Yong (1987), *Berita Matematik*, Pusat Perkembangan Kurikulum (Sept), Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH